


Perginya permata dakwah nusantara

Datuk Dr Haron Din
1940 – 2016



Negara kehilangan tokoh pendakwah terkenal, Datuk Dr Haron Din yang meninggal dunia di Hospital Stanford, San Francisco, Amerika Syarikat (AS), pagi semalam.

Allahyarham disahkan meninggal dunia pada jam 10.10 pagi waktu Malaysia, sekali gus menyebabkan negara kehilangan seorang pengamal perubatan Islam yang terkenal di nusantara.

Pengasas pusat perubatan Darussyifa ini yang mudah disapa dengan panggilan Tok Guru dalam kalangan anak murid dan pengikutnya menjadikan dirinya sebagai rujukan masyarakat setempat yang mahu mendapatkan rawatan secara Islam, berasaskan doa daripada al-Quran serta sunah dan ubat yang selaras dengan syarak.

Ketokohnya menyampaikan dakwah yang menyentuh mengenai jin dan alam ghaib meletakkan dirinya cukup disegani.

Tokoh agama terkenal

Menyingkap perjalanan hidupnya, anak ketiga daripada 10 adik-beradik ini dilahirkan pada 18 Ogos 1940 di Bohor Mali, Kangar, Perlis. Abang dan adiknya, Ishak Din serta Abu Hassan Din adalah tokoh agama yang terkenal.

Berkahwin pada usia 25 tahun dengan Datin Khadijah Salleh, pasangan itu dikurniakan lima cahaya mata, dua lelaki

dan tiga perempuan.

Haron menerima pendidikan awal di Madrasah Al-Islahiah Al-Wataniah, Bohor Mali, Perlis, sebelum meneruskan pengajian menengah di Madrasah Al-'Alawiyah Al-Diniah dan Al-Kuliah Al-Islamiah, Klang, Selangor.

Selepas tamat pendidikan peringkat rendah dan menengah, Allahyarham melanjutkan pengajian di Kolej Islam Malaya (1962-1965) sebelum diterima masuk ke Universiti Al-Azhar, Kaherah, Mesir (1966-1968).

Dua ijazah sarjana

Ketika menuntut di Mesir, Haron mendaftar untuk mengambil dua ijazah sarjana iaitu sarjana di Universiti Al-Azhar, Kaherah dan Diploma Pendidikan di Universiti 'Ain Shams, Kaherah, sebelum meneruskan pengajian doktor falsafah (PhD) dalam bidang syariah di Universiti Darul-Ulum Kaherah, Mesir bermula 1972 hingga 1974.

Allahyarham memulakan kerjaya sebagai pensyarah di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 1975 hingga 1976, sebelum diberi amanah sebagai Timbalan Dekan, Fakulti Pengajian Islam UKM pada 1977 hingga 1985.

Allahyarham aktif berpolitik dan memilih PAS sebagai landasan perjuangannya. Pada Pilihan Raya Umum (PRU) 2004, beliau bertanding merebut kerusi Parlimen Arau, tetapi tewas kepada calon Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Syed Razlan Putra Jamalullail.

Percubaannya merebut kerusi

dewa Undangang Negeri (DUN) Tambun Tulang juga gagal apabila tewas kepada calon BN, Datuk Seri Shahidan Kassim. Percubaan kedua dan ketiga bagi kerusi Parlimen Arau menerusi PRU 2008 serta 2013 juga gagal.

Biarpun memilih gelanggang politik PAS, beliau memiliki sifat rendah diri dan tenang, selain mudah berkongsi pandangan bersama pemimpin politik lain, tidak kira daripada UMNO, PKR mahu pun Parti Amanah Negara.


Insan dihormati

Kesederhanaan dalam memberi nasihat, pandangan dan teguran membuatkan buah bicaranya dapat diterima, sekali gus menjadikan anak jati Perlis itu sebagai insan dihormati.

Kematian bekas Mursyidul Am PAS, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, pada 12 Februari 2015 membawa kepada pelantikan Haron bagi jawatan itu pada 8 Mac 2015. Haron banyak mengambil pendekatan berlembut, tetapi tegas mempertahankan pendirian.

Haron menjadi Ahli Jawatankuasa Kerja PAS Pusat bermula 1975 hingga 1983, selain dilantik Ketua Penerangan PAS dan menganggotai Majlis Syura Ulama iaitu badan tertinggi pembuat dasar parti itu.

Sumbangan besarnya terhadap politik, bidang perubatan Islam dan penyebaran dakwah menyaksikan Allahyarham menerima kepercayaan kerajaan apabila dilantik sebagai Ketua Kluster Dakwah, Majlis Perundingan Islam Kebangsaan.



Gambar fail, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak melawat Haron ketika menerima rawatan di Institut Jantung Negara pada 5 April lalu.



Gambar fail, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi bersalaman dengan Haron selepas Mesyuarat Induk Majlis Perundangan Islam di Putrajaya, 11 Februari lalu.